

MSM MENUJU KE ARAH PEMULIHAN, KUKUHKAN HASIL MELALUI PENAMBAHBAIKAN MARGIN & PRODUK EKSPORT BARU

KUALA LUMPUR, 19 OGOS, 2020 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mempamerkan penambahbaikan yang selari ke arah pemulihan bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2020, dengan merekodkan penurunan dalam kerugian bersih secara berturut sejak S4 2019. Secara progresif, MSM mencatatkan 68% pengurangan dalam jumlah kerugian sebanyak RM 21.55 juta bagi S2 2020 berbanding RM 67.33 juta pada S2 2019. Sementara itu, MSM turut mengumumkan hasil keseluruhan berjumlah RM 959.58 juta pada 1H 2020, penurunan yang rendah sebanyak RM 0.26 juta berbanding RM 959.84 juta pada 1H 2019.

Penurunan dalam jumlah kerugian adalah susulan daripada penambahbaikan dalam kos-kos pengeluaran di kilang penapisan baru, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd termasuk peningkatan dalam kadar penggunaan (UF) kepada 23% pada 2S 2020 daripada 19% pada suku yang sama tahun lepas. Walaubagaimanapun, prestasi kewangan Kumpulan terus terjejas berikutan susut nilai pada suku yang ditinjau.

Pertumbuhan yang memberangsangkan dalam permintaan pasaran eksport baru serta purata harga jualan (ASP) yang kukuh terus menyumbang kepada hasil Kumpulan. Di sebalik 10% penurunan dalam jumlah jualan domestic berbanding 1H 2019, ASP bagi segmen Pemborong dan Industri meningkat sebanyak 8% dan 2%.

Selain itu, peningkatan jumlah jualan bagi segmen Eksport yang dipengaruhi Premium lebih tinggi berbanding tahun lepas, telah dianggarkan menyumbang sebanyak RM 70 juta kepada hasil Kumpulan bagi tempoh 1H 2020. Setakat ini, MSM telah memperoleh eksport produk-produk gula sebanyak 200,000 tan sehingga penghujung tahun ini. MSM mensasarkan untuk meningkatkan jumlah jualan serta produk-produk eksport bagi TK2020 selaras dengan nilai Premium yang tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz berkata, "Jumlah jualan domestik menurun disebabkan waktu operasi terhad dan penutupan sementara perniagaan para pelanggan kami Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sehubungan itu, penghantaran jualan seperti yang disasarkan pada musim sambutan Ramadhan dan perayaan Aidilfitri telah terkesan. Pada masa yang sama, pertukaran komposisi jualan berikutan permintaan domestik yang semakin berkurang turut menjejaskan hasil."



"Syarikat telah mengambil pendekatan strategik untuk kekal kompetitif walau berhadapan cabaran, di samping bergerak ke arah pemulihan. Pengubahsuaian strategik dalam fokus jualan serta struktur jualan mengurangkan impak daripada ketidakpastian pasaran. Kini, MSM sedang mengatur strategi untuk mempertingkatkan kualiti produk-produk dan rantaian bekalan serta memperkukuhkan margin jualan. Peningkatan dalam jumlah jualan Industri dan Eksport dapat mengimbangi 37% penurunan dalam segmen Pemborong bagi setengah tahun pertama 2020," jelas Khairil.

Beliau menambah, "Cabaran dalam mengoptimumkan penambahan kapasiti dan meningkatkan penggunaan di MSM Johor, menawarkan peluang baru untuk MSM mempelbagaikan produk dan meluaskan jejak eksport. Pembangunan produk bernilai tambah bagi eksport melalui MSM Johor seperti gula cair, pra-campuran dan sirap gula telah memperkasakan hasil Kumpulan. Secara positif, impak kerugian dapat diminimumkan sejak akhir Disember 2019, diperkuatkan lagi dengan komitmen berterusan bagi mencapai keseimbangan."

Sorotan segmen operasi, jumlah kos pengeluaran bagi 1H 2020 berkurang sebanyak 4%, berikutan kos gula mentah NY#11 yang rendah sebanyak US 12.83 cents/lbs berbanding US 14.02 cents/lbs pada tempoh yang sama tahun lepas. Selain itu, pengeluaran yang lemah serta penamatan aktiviti penapisan di MSM Perlis susulan pelan rasionalisasi Kumpulan, telah mengurangkan kos pengeluaran bagi suku yang ditinjau. Pelaksanaan rasionalisasi menerusi penyatuan pengeluaran akan membantu untuk meningkatkan penggunaan kilang penapisan MSM Johor serta mengurangkan kos penapisan Kumpulan.

MSM telah melancarkan varian pemanis baru pada Julai 2020 di bawah jenama Premium Prai. Rangkaian produk baru "Go 1/2" dan "Go Natura" memberikan pilihan buat pengguna untuk mengawal pengambilan gula dalam pemakanan tanpa menghilangkan rasa manis melalui produk gula yang dicampur bersama sukralosa berkalori rendah dan stevia. Buat masa ini, kedua-dua produk boleh didapati di Elewsmart serta boleh dibeli secara dalam talian melalui Shopee. MSM tidak lama lagi akan memperkenalkan bungkusan terbaru produk-produk Gula Prai yang dijangka akan memasuki pasaran pada hujung Ogos 2020.

Melangkah ke hadapan, MSM akan terus mengutamakan inisiatif penjimatan kos dan memperkasakan keupayaan operasi bagi mencapai keseimbangan dalam tiga aspek – operasi, aliran tunai dan pengeluaran. Pengeluar gula bertapis terkemuka negara tersebut kekal komited dalam melaksanakan strategi pertumbuhan mampan dan akan mencari peluang untuk memberikan nilai yang lebih baik.



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2019, MSM mengeluarkan sebanyak 1,073,888 tan gula bertapis, di mana 83,341 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 61% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 618.6 million setakat 31 Disember 2019). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com